



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

10,000 PEKERJA AKAN DILATIH DENGAN KEMAHIRAN MENYELAMAT NYAWA

GENEVA, 12 Jun 2025 — Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terus memperkukuh komitmen dalam melindungi kebajikan dan keselamatan pekerja dengan melancarkan inisiatif untuk melatih 10,000 tenaga kerja dengan kemahiran asas pertolongan kecemasan. Usaha ini dimeterai melalui kerjasama strategik antara KESUMA, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) dan Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC), sekali gus memperkukuh kesiapsiagaan pekerja dalam menghadapi kecemasan di tempat kerja dan dalam komuniti.

Pengumuman dibuat oleh Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong, semasa lawatan rasmi ke ibu pejabat IFRC di Geneva. Latihan tersebut akan dilaksanakan melalui HRD Corp dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan tumpuan kepada sektor berisiko tinggi seperti pembuatan dan industri utama. Kursus Pertolongan Cemas di Tempat Kerja ini bukan sekadar latihan teknikal, tetapi satu usaha memperkasa pekerja dan memupuk budaya keselamatan nasional.

Antara objektif utama inisiatif ini termasuk mengurangkan kadar kematian dan kecacatan akibat kemalangan menerusi tindak balas awal yang berkesan, memupuk budaya keselamatan dalam kalangan majikan dan pekerja, serta menyokong pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Menurut YB Steven Sim, yang juga Penaung PBSMM Pulau Pinang, “Kerjasama ini bukan sekadar latihan — ia adalah usaha memperkasa rakyat Malaysia untuk menyelamatkan nyawa. Kita mahu sampaikan mesej jelas: keselamatan di tempat kerja bukan pilihan, ia satu keutamaan.”

Pengumuman ini turut disaksikan oleh DYTM Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pengerusi PBSMM; Kate Forbes, Presiden IFRC; dan Jagan Chapagain, Setiausaha Agung IFRC mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap pendekatan proaktif Malaysia dalam aspek keselamatan dan kesiapsiagaan pekerjaan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk membina tenaga kerja yang lebih selamat, bersedia, dan berdaya tahan menghadapi sebarang cabaran.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

12 JUN 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	